



**GARIS PANDUAN  
BIASISWA PENDIDIKAN MAINPP**

**KOLEJ ISLAM TEKNOLOGI ANTARABANGSA  
(KITAB)  
PULAU PINANG**

**(Pindaan Kali Ketiga Berkuatkuasa 01 April  
2026)**

## GARIS PANDUAN BIASISWA PENDIDIKAN MAINPP

### 1.0 Syarat Umum Biasiswa

- **BIASISWA PENDIDIKAN MAINPP** diwujudkan untuk menarik calon pelajar dalam negara (Pulau Pinang / Luar Pulau Pinang) untuk mengikuti pengajian di peringkat Diploma.
- Biasiswa ini terbuka kepada semua calon pelajar dalam negara yang ingin menyambung pengajian di Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang di peringkat Diploma, melalui proses tapisan oleh Jawatankuasa Pemilihan dan Jawatankuasa Biasiswa dan Bantuan Pengajian.
- Penerima Biasiswa Pendidikan MAINPP tidak boleh menerima bantuan biasiswa atau tajaan daripada mana-mana institusi.

## 2.0 Penajaan dan Kriteria Permohonan

### a. Anak Pulau Pinang

- Memenuhi Syarat Umum Permohon. (Rujuk 1.0)
- Calon telah mendapat tawaran untuk belajar di peringkat Diploma KITAB.
- Calon lahir di Pulau Pinang dan ibu bapa lahir di Pulau Pinang serta menetap di Pulau Pinang; atau
- Calon lahir di Pulau Pinang, bapa lahir di Pulau Pinang, ibu lahir luar Pulau Pinang serta menetap di Pulau Pinang; atau
- Calon lahir di Pulau Pinang, bapa lahir luar Pulau Pinang, ibu lahir di Pulau Pinang serta menetap di Pulau Pinang; atau
- Calon lahir di Pulau Pinang dan ibu bapa lahir luar Pulau Pinang serta menetap di Pulau Pinang; atau
- Calon lahir luar Pulau Pinang dan ibu bapa lahir luar Pulau Pinang tetapi menetap / bekerja di Pulau Pinang. (Perlu Mendapatkan Surat Pengesahan Pengerusi Qaryah / Majikan); atau
- Tawaran akan diberikan berdasarkan peruntukan tahunan bagi Biasiswa Pendidikan MAINPP.

### b. Anak Luar Pulau Pinang

- Memenuhi Syarat Umum Permohon. (Rujuk 1.0)
- Calon telah mendapat tawaran untuk belajar di peringkat Diploma KITAB.
- Calon berjaya dalam temuduga.
- Tawaran akan diberikan berdasarkan peruntukan tahunan bagi Biasiswa Pendidikan MAINPP Pulau Pinang, keutamaan akan diberikan kepada anak Pulau Pinang terlebih dahulu.
- Pelajar luar Pulau Pinang perlu lampirkan bukti / dokumen beserta alasan sebab pelajar tidak menerima zakat negeri masing-masing.

### 3.0 Kategori Penajaan Biasiswa

Terdapat dua kategori kelayakan permohonan, iaitu :

#### a. Kategori Pertama

- Calon merupakan golongan B40 iaitu berpendapatan isi rumah (**Pendapatan Bersih**) dengan purata bulanan di bawah RM 5,250.
- Biasiswa ini ditawarkan sepenuhnya dengan pembiayaan merangkumi Yuran Asas, Yuran Pengajian, Yuran Peperiksaan dan Elaun Sara Diri kepada pelajar yang melanjutkan pengajian peringkat Diploma. Pelajar hanya perlu membayar Yuran Pendaftaran dan Asrama pada setiap semester manakala Yuran Hemat Diri, Yuran Konvokesyen dan Yuran Alumni sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian.
- Perjanjian akan dilakukan antara pihak KITAB dan pelajar bagi memastikan pelajar ini mengikuti pengajian sehingga tamat.
- Kredit Sijil Pelajaran Malaysia.
- Memenuhi syarat-syarat Biasiswa Pendidikan MAINPP. (**Rujuk 1.0 dan 2.0**)

Rujukan : Pindaan kategori penajaan ini berdasarkan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah KITAB Pulau Pinang Bil. 2/2025 bertarikh 12 Jun 2025

#### b. Kategori Kedua

- Calon merupakan golongan M40 iaitu berpendapatan isi rumah (**Pendapatan Bersih**) dengan purata bulanan antara RM 5,251 hingga RM 11,819.
- Calon tidak ditawarkan tajaan Biasiswa Pendidikan MAINPP.
- Boleh dipertimbangkan berdasarkan alasan bebanan tanggungan 4 orang dan ke atas serta kuota peruntukan Biasiswa Pendidikan MAINPP yang masih berbaki tetapi pembiayaan Yuran Asas sahaja.
- Yuran Asas merangkumi Yuran Pusat Sumber, Yuran Makmal Komputer, Yuran Aktiviti Pelajar, Yuran PIDL dan Insurans.
- Perjanjian akan dilakukan antara pihak KITAB dan pelajar bagi memastikan pelajar ini mengikuti pengajian sehingga tamat.
- Kredit Sijil Pelajaran Malaysia.
- Memenuhi syarat-syarat Biasiswa Pendidikan MAINPP (**Rujuk 1.0 dan 2.0**).

Rujukan : Pindaan kategori penajaan ini berdasarkan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah KITAB Pulau Pinang Bil. 2/2024 bertarikh 11 Jun 2024

#### 4.0 Prosedur Permohonan

- Pemohon perlu mengisi permohonan kemasukan ke KITAB dan melengkapkannya dalam sistem Jom Masuk KITAB.
- Permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat adalah dikira gagal dan akan dimaklumkan kepada pemohon.
- Permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Pemilihan dan Jawatankuasa Biasiswa dan Bantuan Pengajian.
- Sekiranya pelajar tidak berjaya ditawarkan Biasiswa Pendidikan MAINPP pada Semester 1, pelajar hanya dibenarkan untuk mengemukakan permohonan rayuan biasiswa sehingga Semester 3 sahaja. Sekiranya rayuan tersebut diterima dan diluluskan oleh Jawatankuasa Biasiswa dan Bantuan Pengajian, penajaan biasiswa hanya akan bermula pada Semester Julai atau Semester Disember, tertakluk kepada tarikh kelulusan dan peruntukan semasa.

## 5.0 Penerimaan Tawaran

- Pelajar perlu membuat one-off pembayaran sebelum atau semasa hari pendaftaran, seperti berikut :

Yuran Pendaftaran	: RM 150 (setiap semester)
Yuran Hemat Diri	: RM 200 (semester pertama sahaja)
Yuran Asrama	: RM 800 (setiap semester)

<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>: RM 1,150</b>
---------------------------	-------------------

- Pelajar perlu membuat pembayaran yuran berikut pada semester terakhir pengajian:

Yuran Konvokesyen	: RM 350 (semester akhir sahaja)
Yuran Alumni	: RM 100 (semester akhir sahaja)

<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>: RM 450</b>
---------------------------	-----------------

- Penerima yang menerima tawaran ini dikehendaki menandatangani Dokumen Perjanjian Biasiswa Pendidikan MAINPP dan mengembalikan kepada Unit Biasiswa dan Pinjaman Pendidikan dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh surat tawaran biasiswa dikeluarkan atau pada hari pendaftaran. Sekiranya tidak dikembalikan, maka surat tawaran tersebut adalah terbatal.

<b>Rujukan : Pindaan kategori ini berdasarkan Semakan Kadar Yuran dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah KITAB Pulau Pinang Bil. 2/2025 bertarikh 12 Jun 2025</b>
--

## 6.0 Kesan Penamatan dan Denda

- Kesan penamatan Biasiswa Pendidikan MAINPP

Kesan daripada penamatan perjanjian maka tergugur ikatan perjanjian ini dan tiada sebarang denda yang akan dikenakan.

- Kesan penamatan kerana pelajar meninggal dunia

Sekiranya pelajar meninggal dunia maka tergugur ikatan perjanjian ini dan tiada sebarang denda yang akan dikenakan.

**Rujukan: Perkara ini berdasarkan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah KITAB Pulau Pinang Bil. 3/2023 - Penamatan dan Denda dalam Garis Panduan Biasiswa Zakat Pulau Pinang-KITAB pada 24 Oktober 2023**

## 7.0 Jadual Insentif Pembiayaan Biasiswa Pendidikan MAINPP

### a. Kategori Pertama

Pencapaian Purata Mata pelajaran Semester (PNG)	Yuran Pendaftaran	Yuran Asas	Yuran Pengajian	Yuran Peperiksaan	Yuran Asrama	Elaun Sara Diri
3.00 ke atas	×	√	√	√	×	√
2.50 – 2.99	×	√	√	√	×	×
2.49 dan ke bawah	×	√	×	×	×	×

### b. Kategori Kedua

Boleh dipertimbangkan berdasarkan alasan bebanan tanggungan 4 orang dan ke atas serta kuota peruntukan Biasiswa Pendidikan MAINPP yang masih berbaki tetapi pembiayaan Yuran Asas sahaja.

Pencapaian Purata Mata pelajaran Semester (PNG)	Yuran Pendaftaran	Yuran Asas	Yuran Pengajian	Yuran Peperiksaan	Yuran Asrama	Elaun Sara Diri
3.00 ke atas	×	√	×	×	×	×
2.50 – 2.99	×	×	×	×	×	×
2.49 dan ke bawah	×	×	×	×	×	×

Yuran Asas merangkumi Yuran Pusat Sumber, Yuran Makmal Komputer, Yuran Aktiviti Pelajar, Yuran PIDL dan Insurans.

Rujukan : Pindaan kategori penajaan ini berdasarkan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah KITAB Pulau Pinang Bil. 2/2024 bertarikh 11 Jun 2024

## 8.0 Sebarang Permasalahan dan Pertanyaan Boleh Hubungi:

Unit Biasiswa dan Bantuan Pengajian  
Jabatan Bendahari  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang  
Kompleks Masjid Negeri,  
11400 Georgetown,  
Pulau Pinang.

E-mail : [bendahari@kitab.edu.my](mailto:bendahari@kitab.edu.my)  
No Telefon : 04-827 0461 / 010-452 5482